

Teras Perisytiharan Singapura

EAEC: Asean

29 JAN 1992

Laporan A Nazri Abdullah, Ibrahim Yahaya, Hambali Abd Latif, Zamzam Omar dan Wan Hamidi Hamid

SINGAPURA, Selasa — Sidang Kemuncak Asean Keempat melalui Perisytiharan Singapura 1992 hari ini mengiktiraf pentingnya rundingan isu bersama di kalangan negara Asia Timur bagi meluaskan kerjasama ekonomi rantau ini serta meningkatkan perdagangan antarabangsa yang lebih bebas dan terbuka.

Perisytiharan itu mengiktiraf pentingnya kerjasama Asean dengan negara, rantau dan pertumbuhan ekonomi lain diperkukuhkan melalui Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Menjelaskan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad berpendapat~~ penerimaan EAEC oleh semua ketua-ketua kerajaan Asean sebagai satu kemajuan.

"Kini menteri-menteri Asean akan berusaha ke arah melaksanakan gagasan EAEC. Dengan kemajuan ini, saya yakin EAEC dapat diwujudkan dalam tempoh kurang dari lima tahun.

"Oleh kerana banyak negara rantau Asia Timur menyatakan minat untuk menyertai EAEC, menteri-menteri Asean juga akan menjelaskan secara mendalam konsep EAEC kepada mereka yang berminat," katanya kepada pemberita selepas sidang kemuncak Asean di sini petang ini.

Dalam sidang akhbar yang turut dihadiri media asing, Perdana Menteri berkata India dan Australia tidak diterima menyertai EAEC kerana kedudukan geografi mereka di luar rantau itu.

Menjawab soalan, beliau berkata, soalsama ada negara berkenaan mempunyai hubungan dagangan utama di rantau ini, tidak ada kaitan

kerana EAEC menumpukan kepada konsep serantau.

Ditanya sama ada EAEC patut diletakkan di bawah payung Kerjasama Ekonomi Asia Pasific (Apec), Datuk Seri Dr Mahathir berkata, EAEC tidak akan dimasukkan ke dalam Apec.

"Bagaimanapun, kita menjadi sebab mengapa EAEC tidak boleh bekerj asama dengan Apec. EAEC tidak akan menjadi sebahagian daripada Apec.

"Amerika Syarikat sudah menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan Nafta tidak boleh menjadi ahli Apec walaupun ada negara ahli Nafta menjadi ahli Apec secara individu," katanya.

Ditanya sama ada EAEC mengeruhkan hubunganperdagangan antara Amerika dan Jepun, Perdana Menteri menjelaskan ketegangan itu sudah wujud sebelum cadanaan mewujudkan EAEC ditimbulkan.

"Jika EAEC wujudkan, ia tidak memberi kesan besar kepada masalah di antara Amerika dan Jepun. Satu cara Amerika boleh buat ialah cuba bersaing dengan Jepun kerana pada masa ini Amerika tidak yakin dengan kemampuannya," katanya.

Ditanya sama ada EAEC tidak akan bermakna tanpa penyertaan Jepun dan Korea Selatan, beliau berkata, EAEC akan kurang 'ideal' tanpa kedua-dua negara itu.

Sehubungan itu, katanya, Asean akan cuba memujuk Jepun dan Korea Selatan menyerta EAEC kerana kedua-dua negara itu memang ingin menyertainya tetapi dihalang pihak tertentu.

seppakat